

**PERBANDINGAN POLA DAN MOTIVASI
PENGUNJUNG DOMESTIK KE DESTINASI
AGROPELANCONGAN RANAU DAN TENOM,
SABAH**



NAJWA MUSAIN BINTI MUSLI @ THOMAS

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

**PERBANDINGAN POLA DAN MOTIVASI
PENGUNJUNG DOMESTIK KE DESTINASI
AGROPELANCONGAN RANAU DAN TENOM,
SABAH**

NAJWA MUSAIN BINTI MUSLI @ THOMAS



UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PERBANDINGAN POLA DAN MOTIVASI PENGUNJUNG DOMESTIK
KE DESTINASI AGROPELANCONGAN RANAU DAN TENOM, SABAH**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**
BIDANG : **GEOGRAFI**

Saya **NAJWA MUSAIN BINTI MUSLI @ THOMAS**, Sesi **2019-2023**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):



(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)



TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)

**NAJWA MUSAIN BINTI MUSLI @
THOMAS
MA1911024T**

Tarikh : 17 April 2023

(Dr. Mohamad Pirdaus bin Yusoh)
Penyelia Utama

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

03 Oktober 2022

Najwa Musain Binti Musli @ Thomas

MA1911024T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **NAJWA MUSAIN BINTI MUSLI @ THOMAS**

NO. MATRIK : **MA1911024T**

TAJUK : **PERBANDINGAN POLA DAN MOTIVASI PENGUNJUNG
DOMESTIK KE DESTINASI AGROPELANCONGAN RANAU
DAN TENOM, SABAH**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **GEOGRAFI**

TARIKH VIVA : **03 OKTOBER 2022**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DISAHKAN OLEH;

Tandatangan

1. PENYELIA UTAMA

Dr. Mohamad Pirdaus bin Yusoh

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Pirw".

2. PENYELIA BERSAMA

Prof. Madya Dr. Jabil bin Mapjabil

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah S.W.T akhirnya tesis ini berjaya disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Allahyarham Profesor Madya Dr. Jabil Mapjabil dan Dr. Pirdaus Yusoh kerana telah banyak memberikan bantuan, bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan kata-kata semangat yang berguna semasa di bawah seliaan beliau. Selain itu, tidak lupa juga jasa pihak program Geografi dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan memberi bantuan dan tunjuk ajar dalam banyak perkara.

Di samping itu, kepada ibu saya iaitu Noraini Razali, ahli keluarga yang lain dan rakan-rakan yang dikasihi kerana memahami, menyokong dan membantu dalam semua aspek dalam usaha menyiapkan tesis ini. Penghargaan yang tidak terhingga atas nasihat, panduan serta sokongan dan dorongan sepanjang saya menuntut ilmu di Universiti Malaysia Sabah. Terima kasih atas segala bantuan, sokongan dan kerjasama semua. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua responden dan informan kerana sudi memberikan kerjasama sepanjang saya menjalankan kajian dengan mendapatkan data daripada mereka. Akhir kata, jutaan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung selama kajian ini dijalankan. Semoga bantuan dan kerjasama yang telah anda semua berikan akan mendapat kebaikan dan ganjaran dalam kehidupan. Jasa anda amat saya hargai dan hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalaunya. Sekian terima kasih.

Najwa Musain binti Musli @ Thomas

03 Oktober 2022

ABSTRAK

Daerah Ranau dan Tenom terkenal dengan produk teh dan kopi sehingga menjadi salah satu destinasi tarikan agropelancongan yang popular di negeri Sabah. Namun, pembangunan destinasi agropelancongan perlu dititikberatkan dengan mengambil kira setiap aspek dalam pelancongan bagi memastikan destinasi tersebut berdaya saing dan mencapai keuntungan kepada ekonomi negara. Salah satunya adalah dengan menitik beratkan pergerakan pengunjung domestik yang menjadi penyumbang kepada pembangunan pelancongan tempatan. Melalui kajian ini, terdapat tiga objektif yang digariskan iaitu (i) Mengenal pasti perbezaan kepelbagai pola kunjungan pengunjung domestik ke agropelancongan teh di Ranau dan kopi di Tenom, Sabah; (ii) Meneliti keutamaan motivasi kunjungan Pengunjung domestik ketika berkunjung ke agropelancongan teh di Ranau dan kopi di Tenom, Sabah; (iii) Mencadangkan langkah-langkah strategi pemerkasaan dengan mengambil kira pola dan motivasi Pengunjung domestik yang dikaji agar lebih berdaya saing dalam pembangunan pelancongan Negeri Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan dengan mengaplikasikan kaedah campuran. Seramai 152 orang responden untuk agropelancongan teh dan 133 orang responden bagi agropelancongan kopi yang terdiri dari Pengunjung domestik. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik bagi memperoleh data dari pengunjung domestik yang pernah berkunjung ke agropelancongan teh dan agropelancongan kopi. Data yang diperoleh daripada responden dianalisis menggunakan analisis kekerapan, peratusan, tematik, *cross-tabbing*, dikotomi berganda dan analisis verbatim menggunakan perisian SPSS dan turut dipersembahkan menggunakan perisian ArcMap. Hasil kajian menunjukkan pengunjung domestik yang ke agropelancongan teh cenderung melakukan pola kunjungan kompleks iaitu sebanyak 51% dan mempunyai motivasi kunjungan fleksibel iaitu 63.4%. Manakala, pengunjung domestik yang ke agropelancongan kopi pula melakukan pola kunjungan sehala iaitu, sebanyak 36.1% dan mempunyai motivasi kunjungan sambilan iaitu 35.3%. Kemudian, terdapat tiga aspek cadangan strategi oleh pengunjung domestik iaitu tiga kategori untuk isu perkhidmatan, dua kategori untuk prasarana dan infrastruktur serta tiga kategori untuk tarikan. Secara ringkasnya, agropelancongan teh dan agropelancongan kopi mampu bersaing dengan destinasi pelancongan lain terdapat di Negeri Sabah untuk menjadi destinasi agropelancongan yang berkualiti dengan identitinya sendiri. Oleh itu, dapatan kajian ini memberi impak untuk membantu pihak berkuasa dalam pembangunan tarikan destinasi agropelancongan dan penerimaan pelancong.

ABSTRACT

COMPARISON OF PATTERNS AND MOTIVATIONS OF DOMESTIC VISITORS TO AGRITOURISM DESTINATIONS OF RANAU AND TENOM, SABAH

Ranau and Tenom districts are famous for their tea and coffee products, making it one of the popular agritourism attractions in Sabah. However, the development of agritourism destinations must be emphasized by taking into account every aspect of tourism to ensure that the destinations are competitive and achieve benefits to the national economy. One of them is to emphasize the movement of domestic tourists who are contributors to tourism development. Through this study, there are three objectives outlined namely (i) To identify the differences in the diversity of patterns of domestic tourist visits to agritourism tea in Ranau and coffee in Tenom, Sabah; (ii) To examine the motivational priorities of domestic visitors when visiting tea agritourism in Ranau and coffee in Tenom, Sabah; (iii) Propose empowerment strategy measures by taking into account the patterns and motivations of domestic visitors studied to be more competitive in the development of tourism in Sabah. This study uses a survey approach by applying mix methods. A total of 152 respondents for tea agritourism and 133 respondents for coffee agritourism consisting of domestic visitors. The research instrument used is a questionnaire to obtain data from domestic tourists who have visited the agritourism and coffee agritourism. Data obtained from respondents were analyzed using frequency, percentage, thematic, cross-tabbing, multiple dichotomy and verbatim analysis Square using SPSS software and also presented using ArcMap software. The results showed that domestic tourists who go to tea agritourism tend to do complex visit patterns that is, as much as 51% and have a flexible visit motivation that is 63.4%. Meanwhile, domestic tourists who go to coffee agritourism do a one-way visit pattern that is 36.1% and have part-time visit motivation that is 35.3%. Then, there are three aspects of strategic proposals by domestic tourists namely three categories for service issues, two categories for infrastructure and infrastructure and three categories for attractions. In short, the agritourism and coffee agritourism are able to compete with other tourist destinations in the state of Sabah to become a quality agritourism destination with its own identity. Therefore, the findings of this study have impacts to help the authorities in the development of attractions in agritourism destinations and tourist reception.

SENARAI KANDUNGAN

| | Halaman |
|--|---------|
| TAJUK | i |
| PENGAKUAN | ii |
| PENGESAHAN | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| SENARAI KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL | xiii |
| SENARAI RAJAH | xiv |
| SENARAI FOTO | xvii |
| SENARAI SINGKATAN | xviii |
| SENARAI LAMPIRAN | xix |
| BAB 1 : PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.3 Permasalahan Kajian | 7 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 9 |
| 1.5 Matlamat dan Objektif Kajian | 9 |
| 1.6 Skop Kajian | 10 |
| 1.6.1 Isu Kajian | 10 |
| 1.6.2 Lokasi Kajian | 10 |
| 1.6.3 Responden Kajian | 11 |
| 1.6.4 Tempoh Masa Kajian | 11 |
| 1.7 Kawasan Kajian | 12 |
| 1.8 Definisi Konsep Utama Kajian | 13 |
| 1.9 Definisi Operasional untuk Konsep Utama Kajian | 17 |
| 1.10 Kepentingan Kajian | 18 |
| 1.11 Kesimpulan | 20 |

BAB 2 : TINJAUAN BAHAN LITERATUR

| | | |
|-------|--|----|
| 2.1 | Pengenalan | 21 |
| 2.2 | Latar Belakang Model untuk Kajian Agropelancongan Teh dan Kopi | 21 |
| 2.2.1 | Model Gaya Pergerakan Mckercher dan Lau (2004) dan Model Perjalanan Campbell/Flognfeldt (1999) | 22 |
| 2.2.2 | Sistem Tarikan Pelancongan Leiper (1990) | 26 |
| 2.3 | Latar Belakang dan Perkembangan Agropelancongan Teh dan Kopi | 29 |
| 2.3.1 | Peringkat Antarabangsa | 29 |
| 2.3.2 | Peringkat Kebangsaan | 34 |
| 2.3.3 | Peringkat Negeri Sabah | 37 |
| 2.4 | Sorotan Kajian Lepas | 39 |
| 2.4.1 | Potensi dan Faktor Agropelancongan | 39 |
| 2.4.2 | Impak Agropelancongan | 44 |
| 2.4.3 | Isu dan Masalah Agropelacongan | 48 |
| 2.4.4 | Pola Kunjungan Pelancong | 49 |
| 2.4.5 | Motivasi Kunjungan Pelancong | 51 |
| 2.5 | Kata Kunci Sorotan Kajian Lepas | 54 |
| 2.6 | Lompang Kajian | 56 |
| 2.7 | Kerangka Konseptual Kajian | 57 |
| 2.8 | Kesimpulan | 59 |

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-------|---------------------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan | 60 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 60 |
| 3.3 | Kaedah Penyelidikan | 61 |
| 3.3.1 | Kaedah Campuran (<i>Mix Method</i>) | 62 |
| 3.4 | Instrumen Kajian | 63 |
| 3.4.1 | Borang Soal Selidik | 63 |
| 3.4.2 | Perakam Suara | 65 |
| 3.5 | Kajian Rintis | 65 |

| | | |
|-------|--------------------------------------|----|
| 3.6 | Populasi dan Persampelan | 66 |
| 3.6.1 | Populasi Kajian | 66 |
| 3.6.2 | Sampel Kajian | 66 |
| 3.6.3 | Saiz Sampel | 67 |
| 3.7 | Teknik Pengumpulan Data | 68 |
| 3.7.1 | Data Primer | 68 |
| 3.7.2 | Data Sekunder | 71 |
| 3.8 | Teknik Analisis dan Persembahan Data | 72 |
| 3.8.1 | Analisis Data | 73 |
| 3.8.2 | Teknik Persembahan Data | 74 |
| 3.9 | Kesimpulan | 74 |

BAB 4 : PROFIL RESPONDEN DAN CIRI KUNJUNGAN

| | | |
|-------|--|----|
| 4.1 | Pengenalan | 75 |
| 4.2 | Profil Demografik Responden Agropelancongan Teh | 75 |
| 4.3 | Profil Demografik Responden Agropelancongan Kopi | 77 |
| 4.4 | Perbandingan Ciri-ciri Kunjungan Responden ke Agropelancongan Teh | 79 |
| 4.4.1 | Kekerapan Kunjungan | 79 |
| 4.4.2 | Jenis/Bentuk Kunjungan | 81 |
| 4.4.3 | Tempoh Kunjungan | 82 |
| 4.4.4 | Jenis Penginapan | 84 |
| 4.4.5 | Mod Pengangkutan | 85 |
| 4.5 | Perbandingan Ciri-ciri Kunjungan Responden ke Agropelancongan Kopi | 87 |
| 4.5.1 | Kekerapan Kunjungan | 87 |
| 4.5.2 | Jenis/Bentuk Kunjungan | 89 |
| 4.5.3 | Tempoh Kunjungan | 90 |
| 4.5.4 | Jenis Penginapan | 91 |
| 4.5.5 | Mod Pengangkutan | 93 |
| 4.6 | Kesimpulan | 94 |

**BAB 5 : POLA KUNJUNGAN DAN MOTIVASI KUNJUNGAN
PENGUNJUNG DOMESTIK KE AGROPELANCONGAN
TEH DI RANAU DAN KOPI DI TENOM**

| | | |
|--------|--|-----|
| 5.1 | Pengenalan | 95 |
| 5.2 | Pola Kunjungan Pengunjung Domestik Agropelancongan Teh | 96 |
| 5.3 | Pola Kunjungan Pengunjung Domestik Agropelancongan Kopi | 99 |
| 5.4 | Perbandingan Pola Kunjungan Pengunjung Domestik di Agropelancongan Teh dan Kopi | 102 |
| 5.5 | Destinasi yang Dikunjungi di Ranau | 104 |
| 5.6 | Destinasi yang Dikunjungi di Tenom | 109 |
| 5.7 | Destinasi Selepas Agropelancongan Teh | 112 |
| 5.8 | Destinasi Selepas Agropelancongan Kopi | 116 |
| 5.9 | Motivasi Kunjungan Pengunjung Domestik Agropelancongan Teh | 119 |
| 5.10 | Motivasi Kunjungan Pengunjung Domestik Agropelancongan Kopi | 123 |
| 5.11 | Perbandingan Motivasi Kunjungan Pengunjung Domestik ke Agropelancongan Teh dan Kopi | 126 |
| 5.12 | Motivasi Kunjungan Pengunjung Domestik dan Aktiviti yang Dilakukan di Ranau | 128 |
| 5.13 | Motivasi Kunjungan Pengunjung Domestik dan Aktiviti yang Dilakukan di Tenom | 131 |
| 5.14 | Tujuan Pengunjung Domestik ke Agropelancongan Teh | 135 |
| 5.15 | Tujuan Pengunjung Domestik ke Agropelancongan Kopi | 138 |
| 5.16 | Cadangan Langkah Strategi Pemerkasaan di Tenom dan Ranau | 141 |
| 5.16.1 | Cadangan Langkah Strategi Perkhidmatan Pelancongan Agropelancongan Teh dan Kopi | 142 |
| 5.16.2 | Cadangan Langkah Startegi Kemudahan Prasarana dan Infrastruktur | 145 |
| 5.16.3 | Cadangan Langkah Strategi Tarikan Pelancongan | 150 |
| 5.17 | Kesimpulan | 157 |

BAB 6 : RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN

| | | |
|-------|---|-----|
| 6.1 | Pengenalan | 159 |
| 6.2 | Penemuan Kajian | 159 |
| 6.2.1 | Pola Kunjungan Pengunjung Domestik ke Destinasi Agropelancongan | 159 |
| 6.2.2 | Motivasi Kunjungan Pengunjung Domestik ke Destinasi Agropelancongan | 160 |
| 6.2.3 | Langkah-langkah Strategi Pemerksaan Destinasi Agropelancongan | 161 |
| 6.3 | Cadangan Langkah Pemerksaan Destinasi Agropelancongan | 162 |
| 6.3.1 | Agropelancongan Teh | 162 |
| 6.3.2 | Agropelancongan Kopi | 163 |
| 6.4 | Implikasi Dasar | 163 |
| 6.4.1 | Pertambahan Tarikan Pelancongan yang Lebih Menarik dan Mengikut Tren Semasa | 164 |
| 6.4.2 | Mengeratkan integrasi antara pihak pemegang taruh dan pihak agropelancongan | 164 |
| 6.4.3 | Bidang Ilmu Geografi | 165 |
| 6.4.4 | Model/Sorotan Kajian Lepas | 165 |
| 6.5 | Sumbangan Kajian | 165 |
| 6.5.1 | Sektor Pelancongan | 166 |
| 6.5.2 | Bidang Akademik | 166 |
| 6.5.3 | Polisi dan Dasar Kerajaan | 166 |
| 6.5.4 | Bidang Ilmu Geografi | 167 |
| 6.6 | Cadangan Kajian Masa Depan | 167 |
| 6.6.1 | Kajian terhadap Pola dan Motivasi Kunjungan Pengunjung domestik | 167 |
| 6.6.2 | Keistimewaan Agropelancongan Teh dan Kopi | 168 |
| 6.6.3 | Pengaplikasian Aplikasi GIS dalam kajian | 168 |
| 6.6.4 | Kajian Terhadap Pelancong Antarabangsa | 168 |
| 6.7 | Limitasi Kajian | 169 |
| 6.7.1 | Kekangan untuk Menjalankan Kajian Lapangan | 169 |

| | |
|---|-----|
| 6.7.2 Pengurangan Jumlah Responden disebabkan Pandemik COVID-19 | 169 |
| 6.8 Penutup | 170 |
| RUJUKAN | 171 |
| LAMPIRAN | 198 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL


| | Halaman |
|--|---------|
| Jadual 1.1 : Definisi Operasional | 17 |
| Jadual 2.1 : Senarai 10 Negara Pengeluar Kopi Terbesar | 30 |
| Jadual 2.2 : 10 Negara Pengeksport Teh Terbesar Di Dunia Tahun 2020 | 31 |
| Jadual 3.1 : Keratan Jadual Saiz Sampel | 67 |
| Jadual 4.1 : Peratusan Kategori Profil Responden Agropelancongan Teh | 76 |
| Jadual 5.1 : Destinasi pelancongan yang dikunjungi di Ranau | 105 |
| Jadual 5.2 : Destinasi Pelancongan Yang Dikunjungi Di Tenom | 109 |
| Jadual 5.3 : Destinasi yang dituju selepas agropelancongan teh | 112 |
| Jadual 5.4 : Destinasi yang dituju selepas agropelancongan kopi | 116 |
| Jadual 5.5 : Motivasi Kunjungan Pengunjung Domestik dan Aktiviti yang Dilakukan di Ranau | 129 |
| Jadual 5.6 : Motivasi Kunjungan Pengunjung Domestik dan Aktiviti yang Dilakukan di Tenom | 132 |
| Jadual 5.7 : Peratusan Tujuan Pengunjung Domestik ke Agropelancongan Teh | 135 |
| Jadual 5.8 : Peratusan Tujuan Pengunjung Domestik ke Agropelancongan Kopi | 139 |
| Jadual 5.9 : Jumlah Cadangan Perkhidmatan untuk Agropelancongan Teh dan Kopi | 142 |
| Jadual 5.10 : Jumlah Cadangan Kemudahan Prasarana dan Infrastruktur untuk Agropelancongan Teh dan Kopi | 145 |
| Jadual 5.11 : Jumlah Cadangan Tarikan Pelancongan untuk Agropelancongan Teh dan Kopi | 151 |

SENARAI RAJAH

| | Halaman |
|--|---------|
| Rajah 1.1 : Carta Bilangan Pelancong ke pusat agropelancongan di Malaysia | 6 |
| Rajah 1.2 : Lokasi Agropelancongan Teh dan Agropelancongan Kopi | 12 |
| Rajah 2.1 : Model Gaya Pergerakan McKercher & Lau (2004) | 23 |
| Rajah 2.2 : Model Perjalanan Campbell/Flognfeldt (1999) | 23 |
| Rajah 2.3 : Model Gaya Pergerakan McKercher & Lau (2004) & Model Perjalanan Campbell/Flognfeldt (1999) | 24 |
| Rajah 2.4 : Sistem Pelancongan Leiper (1990) | 27 |
| Rajah 2.5 : Destinasi agropelancongan di Amerika Syarikat | 32 |
| Rajah 2.6 : Eksport teh Malaysia tahun 2006-2019 | 34 |
| Rajah 2.7 : Kerangka konseptual kajian | 58 |
| Rajah 3.1 : Google Form | 65 |
| Rajah 3.2 : Carta alir proses kutipan data melalui Google Form | 70 |
| Rajah 4.1 : Kekerapan Kunjungan Responden Agropelancongan Teh | 79 |
| Rajah 4.2 : Jenis/bentuk Kunjungan Responden Agropelancongan Teh | 81 |
| Rajah 4.3 : Tempoh Kunjungan Responden Agropelancongan Teh | 82 |
| Rajah 4.4 : Jenis Penginapan Responden Agropelancongan Teh | 84 |
| Rajah 4.5 : Mod Pengangkutan Responden Agropelancongan Teh | 85 |
| Rajah 4.6 : Kekerapan Kunjungan Responden Agropelancongan Kopi | 87 |

| | | |
|------------|---|-----|
| Rajah 4.7 | : Jenis/bentuk Kunjungan Responden Agropelancongan Kopi | 89 |
| Rajah 4.8 | : Tempoh Kunjungan Responden Agropelancongan Kopi | 90 |
| Rajah 4.9 | : Jenis Penginapan Responden Agropelancongan Kopi | 91 |
| Rajah 4.10 | : Mod pengangkutan Responden Agropelancongan Kopi | 93 |
| Rajah 5.1 | : Pola Kunjungan Pengunjung Domestik ke Agropelancongan Teh | 96 |
| Rajah 5.2 | : Pola Kunjungan Pengunjung domestik Agropelancongan Kopi | 100 |
| Rajah 5.3 | : Perbandingan Pola Kunjungan Pengunjung Domestik di Agropelancongan Teh dan Kopi | 103 |
| Rajah 5.4 | : Taburan Destinasi Pelancongan yang Dikunjungi Oleh Pengunjung Domestik selain Agropelancongan Teh | 107 |
| Rajah 5.5 | : Taburan destinasi pelancongan yang dikunjungi oleh pengunjung domestik selain agropelancongan kopii | 110 |
| Rajah 5.6 | : Destinasi yang Dikunjungi Selepas Agropelancongan Teh | 114 |
| Rajah 5.7 | : Destinasi yang Dikunjungi Selepas Agropelancongan Kopi | 118 |
| Rajah 5.8 | : Motivasi Kunjungan Pengunjung Domestik Agropelancongan Teh | 120 |
| Rajah 5.9 | : Motivasi Kunjungan Pengunjung Domestik Agropelancongan Kopi | 123 |
| Rajah 5.10 | : Perbandingan Motivasi Kunjungan Pengunjung domestik Agropelancongan Teh dan Kopi | 126 |
| Rajah 5.11 | : Statistik media sosial pada April 2021 | 155 |

| | | |
|--------------|--|-----|
| Rajah 5.12 : | Cadangan Strategi Pemerkasaan Prasarana dan Infrastruktur Agropelancongan Teh dan Kopi | 146 |
| Rajah 5.13 : | Bilangan Strategi Pemerkasaan Tarikan Agropelancongan Teh dan Kopi. | 152 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

| | Halaman |
|--|---------|
| Foto 1.1 : Pelancong dari United Kingdom membuat lawatan | 7 |
| Foto 2.1 : Tarikan di Sialian Coffee Farm Homestay | 33 |
| Foto 2.2 : Ladang teh di Cameron Highland | 35 |
| Foto 2.3 : Air terjun di Ladang Teh Bharat | 36 |
| Foto 5.1 : Masjid terbiar dalam agropelancongan teh | 147 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

- COVID-19** - Coronavirus 2019
- GIS** - Geographic Information System
- NGO** - Badan Bukan Kerajaan
- UNWTO** - United Nations World Tourism Organization



SENARAI LAMPIRAN

| | Halaman |
|----------------------------------|---------|
| Lampiran A : Borang Soal Selidik | 198 |
| Lampiran B : Foto di Lapangan | 222 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan bahagian pendahuluan untuk Perbandingan Pola dan Motivasi Kunjungan Pengunjung domestik ke Destinasi Agropelancongan di Ranau dan Tenom, Sabah. Latar belakang kajian ini membincangkan sorotan sepintas lalu isu yang dikaji di peringkat global, Malaysia dan seterusnya dalam konteks Sabah dan di kawasan kajian. Bahagian berikutnya adalah permasalahan kajian dan diikuti oleh persoalan kajian yang membawa kepada objektif kajian ini. Skop kajian yang meliputi aspek isu yang dikaji, lokasi, responden serta penjelasan ringkas mengenai profil kawasan kajian juga terkandung dalam bab ini. Pada bahagian akhir bab, definisi konsep dan operasional serta kepentingan kajian diuraikan diakhiri dengan kesimpulan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Konsep agropelancongan atau *agritourism* juga dikenali sebagai *agritainment*, iaitu ringkasan perkataan *agri* (*agriculture*) dan *tainment* (*entertainment*). Secara saintifik, definisi agropelancongan ditakrifkan sebagai "Mengunjungi kawasan pertanian yang berfungsi atau beroperasi iaitu kebiasaan ladang atau peternakan untuk tujuan bersantai, rekreasi atau pendidikan" (Santeramo & Barbieri, 2017). Sesuatu destinasi adalah dianggap sebagai destinasi agropelancongan sekiranya destinasi tersebut

menyediakan lawatan ladang yang berbentuk pendidikan terhadap pelancong. Agropelancongan dapat didefinisikan melalui interaksi tumbuhan, haiwan dan persekitaran di ladang, kawasan peternakan, atau operasi perniagaan lain untuk tujuan hiburan, kesenangan, pendidikan dan penglibatan aktif dalam kegiatan pertanian (Fahrurrozi, 2017). Destinasi agropelancongan dapat ditentukan dengan wujudnya tumbuhan, haiwan dan persekitarannya di sesuatu destinasi.

Agropelancongan merupakan aktiviti mengunjungi ladang atau operasi pertanian, hortikultur, atau perniagaan pertanian untuk tujuan kesenangan, pendidikan, atau penglibatan aktif dalam aktiviti ladang atau operasi tersebut. Agropelancongan juga adalah amalan menarik pengunjung ke kawasan yang digunakan terutamanya untuk tujuan pertanian. Ia dapat digambarkan sebagai kawasan pedalaman/persekutaran pertanian bersama komoditi ladang dengan perkhidmatan pelancongan yang membentuk sebuah kawasan pelancongan berasaskan agro (Dharamkar & Gajanand, 2019). Hal ini bermakna, agropelancongan merupakan hasil dari pertanian yang dimanfaatkan kepada satu bentuk yang lain iaitu dengan menjadikan pertanian sebagai tarikan yang pelbagai menerusi pelancongan. Kegiatan agropelancongan semakin dilihat sebagai satu strategi kepelbagaian untuk pengusaha pertanian dan sebagai bentuk sokongan untuk ekonomi luar bandar (Canovi & Lyon, 2019). Kawasan luar bandar mempunyai banyak kegiatan pertanian dan boleh dimanfaatkan melalui pelancongan kepada golongan peladang.

Dharamkar (2019) menyatakan agropelancongan mempunyai tiga impak. Agropelancongan dapat memberi impak terhadap ekonomi iaitu memperoleh pendapatan hasil dari bayaran masuk dan pembayaran langsung untuk akses ke kawasan pelancongan. Kemudian, pendapatan boleh diperoleh melalui perkhidmatan nilai tambah yang berkaitan. Seterusnya, dapat membangunankan sektor ekonomi yang berkaitan. Agropelancongan turut memperoleh manfaat untuk menjadikan sesebuah kawasan pertanian dan perhutanan yang lestari dan meningkatkan nilai tanah tempatan serta meningkatkan pertukaran wang asing di mana pelancongan dikuasai oleh warga asing. Agropelancongan turut mempunyai impak dalam sosial. Pekerja memperoleh latihan dan pengembangan kemahiran untuk penyediaan perkhidmatan ekonomi. Melalui pendidikan, pengunjung dapat manfaat dalam pendidikan terhadap sekolah rendah dan pendidikan yang berkaitan dengan alam

sekitar. Melalui penjagaan kesihatan, terdapat klinik/doktor pelawat, jururawat yang ditawarkan oleh pengusaha pelancongan untuk bekerja. Manfaat juga diperoleh dalam komunikasi/pengangkutan infrastruktur tempatan yang lebih baik serta dapat meningkatkan modal sosial untuk membina keupayaan organisasi dan pengurusan tempatan. Manfaat turut diperoleh dalam aspek alam sekitar iaitu mendapat perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar, amalan pengurusan sumber yang bertambah baik, peningkatan pelbagai pihak berkepentingan untuk melindungi landskap dan pemuliharaan kepelbagaian biologi. Agropelancongan bukan sahaja berkaitan dengan memperoleh keuntungan dalam pelancongan malah, ia mempunyai banyak impak positif terhadap aspek utama yang membawa kepada kebaikan manusia sendiri dan alam sekitar. Oleh itu, agropelancongan sangat penting dan perlu dititikberatkan.

Dalam peringkat dunia iaitu di India, sebuah negeri iaitu Maharashtra merupakan perintis untuk membangun dan menyokong kegiatan agropelancongan di negara ini. Perbadanan Pembangunan Pelancongan Agri (ATDC) ditubuhkan pada tahun 2005 yang berfungsi untuk menjalankan program latihan dan penyelidikan di negeri ini (Krishna & Alok, 2020). Sektor agropelancongan mendapat sokongan di India bagi memastikan peladang mendapat pendidikan dan latihan yang mencukupi bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan kegiatan tersebut. Di Thailand, agropelancongan menjadi salah satu medium untuk menarik pelancong dari seluruh dunia. Sektor tersebut telah memberi impak yang besar dengan memperoleh rekod lebih daripada setengah juta pelancong mengunjungi kawasan ladang dalam peringkaat kebangsaan sejak tahun 2002 (Taemsaran, 2005). Kegiatan pertanian dimanfaatkan dengan kegiatan agropelancongan kerana Thailand juga terkenal dengan kepelbagaian pertanian seperti padi, kelapa sawit, kopi, kelapa dan banyak lagi.

Manakala di Australia Barat, agropelancongan menjadi sektor terpenting dalam pasaran pelancongan yang menyediakan perkhidmatan langsung dan faedah tidak langsung kepada perniagaan pertanian dan masyarakat luar bandar. Di antara tahun 2015 dan 2016, lebih daripada 1.5 juta pelancong mengunjungi ladang agropelancongan di Australia. Sementara itu, mereka banyak menghasilkan idea penubuhan kilang wain dan tempat tinggal ladang serta pasaran menjadi semakin